

Headline	Koperasi digesa aktif jualan borong		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Sentral	Color	Black/white
Page No	L-N8	ArticleSize	156 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,736	PR Value	RM 8,208



# Koperasi digesa aktif jualan borong

**Seremban:** Koperasi di negeri ini dinasihati terus meningkatkan taraf ekonomi dengan bergiat secara aktif terutama dalam jualan borong yang mampu memberikan hasil lumayan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata banyak peluang jualan borong yang boleh memberi keuntungan, antaranya runcit besar-besaran dan perniagaan barangan perkakasan.

## **Koperasi Berdaya saing**

Oleh itu, katanya, pemimpin koperasi perlu berdaya saing, kreatif, inovatif serta proaktif dan terus berusaha menjana pendapatan dan keuntungan demi meningkatkan kualiti

hidup setiap ahli.

“Banyak koperasi ditubuhkan di negara ini, namun tidak banyak yang mampu kekal cemerlang selepas berdepan pelbagai cabaran. Oleh demikian, pemimpin koperasi dan ahli perlu memainkan peranan dalam memastikan hala tuju penubuhan sesebuah koperasi dicapai demi manfaat pewaris masa depan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Permodalan dan Perusahaan Melayu negeri Ke-53, di sini kelmarin. Hadir sama, Pengerusi koperasi berkenaan, Datuk Abdullah Abas.

Mohamad berkata, setiap koperasi perlu memastikan keuntungan yang diperoleh, dibahagikan dengan baik kepada ahli supaya pengurusan koperasi berjalan dengan lancar.

Pada majlis sama, Menteri Besar turut menyampaikan Anugerah Tabung Dato’ Shamsudin Nain kepada guru sementara, Mohd Tarmimi Mohd Mokhtar atas kecemerlangannya dalam bidang akademik.

Sebelum ini, Tarmimi pernah dianugerahkan Pingat Emas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) kerana cemerlang men-

dapat kelas pertama dalam Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.

**Pemimpin koperasi perlu berdaya saing, kreatif, inovatif serta proaktif dan terus berusaha menjana pendapatan dan keuntungan demi meningkatkan kualiti hidup setiap ahli”**

**Mohamad Hasan,**  
Menteri Besar Negeri Sembilan